

# ورتا فرنشن

# Warta Penerangan



APRIL 2020



# مقرنکلنکن اقليکاسي موده اليه جابتن قفرعن



InfoDeptBN



Dapatkan aplikasi dan muat turun di

Available on the  
App Store

GET IT ON  
Google Play


Memperkenalkan

## Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan

- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
  - Pelaksanaan Yang **Cepat** Dan **Mudah**
  - Menjurus Ke Arah **Paperless** Dan **Green IT**

Gunakanlah Aplikasi Kami!

'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'



**DI MANAKAH  
AWDA BOLEH  
MENDAPATKAN  
NASKHAH  
PELITA BRUNEI ?**

### DAERAH BRUNEI DAN MUARA

- Ibu Pejabat Jabatan Penerangan (Drive-thru & Kaunter)
- Rimba Point, Tasek Rimba
- Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei
- Hospital RIPAS (Pesakit Luar dan Pusat Kesihatan Wanita & Kanak-kanak)
- Pusat Kesihatan PAPHMWHB, Kg. Rimba, Gadong
- Pusat Kesihatan Berakas, Lambak Kanan
- Pusat Kesihatan Muara
- Pusat Kesihatan Jubli Emas Perpindahan Kg. Bunut
- Pusat Kesihatan Jubli Perak Sengkurong
- Pusat Kesihatan Pengkalang Batu
- Pusat Kesihatan PAPHRSB, Sungai Asam
- Stesen Minyak KOPPMB Jln Menglait
- Stesen Minyak GADONG Jln Gadong
- Stesen Minyak SHAHRYZA Kg. Perpindahan Bunut
- Stesen Minyak TASAMUL Kg. Lumapas B
- Stesen Minyak BEBATIK Kg. Bebatik
- Stesen Minyak KUPB Kg. Jangsak
- Stesen Minyak AMANAH Kg. Kilanas
- Stesen Minyak BADAN TANMIAH Kg. Kuala Lurah
- Stesen Minyak MAR'AZMALA Jln Jerudong
- Stesen Minyak SATENAGA Kg. Tanjung Nangka
- Stesen Minyak MASJORY Kg. Sengkurong
- Stesen Minyak MABOHAJ Jln Kebangsaan
- Stesen Minyak PERSATUAN TIBA Kg. Salambigar
- Stesen Minyak KOPERASI ITM Kg. Mentiri
- Stesen Minyak PENGALAYAN Kg. Pengalayan
- Stesen Minyak DYG MASNI Pekan Muara
- Stesen Minyak TAIB Kg. Pancha Delima
- Stesen Minyak BERAKAS Jln Pasir Berakas
- Stesen Minyak IBA Kg. Lambak Kanan
- Stesen Minyak TUMASEK Jln Tutong
- Stesen Minyak TAIB Kompleks Perindustrian Beribi II

### DAERAH TUTONG

- Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Tutong (Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan)
- Petani Mall
- Hospital PMMPMHAMB
- Pusat Kesihatan Kg. Sungai Kelugos
- Pusat Kesihatan Lamunin
- Pusat Kesihatan Telisai
- Stesen Minyak KOPERASI KG.KERIAM Kg. Keriam
- Stesen Minyak PHA BAKAR BIN JAMBOL Kg. Suran
- Stesen Minyak KODRAT Kg. Lamunin
- Stesen Minyak KOPEKLAP Kg. Lubok Pulau

### DAERAH BELAIT

- Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Belait (Seria)
- Pusat Kegiatan Warga Emas
- Plaza Seria
- Hospital Suri Seri Begawan
- Pusat Kesihatan Sungai Liang
- Stesen Minyak LUMUT Kg. Sungai Bakong
- Stesen Minyak ROXANA Seria
- Stesen Minyak SAPAKAT Jln Setia Negara
- Stesen Minyak SPM KB Jln Panglima

### DAERAH TEMBURONG

- Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Temburong (Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan)
- Terminal Perahu Tambang
- Kompleks Utama Bumiputra
- Hospital PIHM
- Stesen Minyak NEGALANG Kg. Negalang



InfoDeptBN

Jika naskhah Pelita Brunei telah habis, awda juga boleh melayari e-paper Pelita Brunei melalui aplikasi mudah alih Jabatan Penerangan dengan muat turun *InfoDeptBN*.





**Terbitan Unit Penerbitan Melayu  
Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri**

***“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”***

# Sidang Redaksi

Penasihat  
Mawardi bin Haji Mohammad  
  
Penyelaras, Penyemak & Reka Letak  
Unit Penerbitan Melayu  
dan Unit Seni Grafik

Sumber Berita & Fotografi  
PELITA BRUNEI dan  
Pegawai dan Kakitangan  
Jabatan Penerangan

• • • • •

**W**ARTA Penerangan merupakan sebuah majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Unit Penerbitan Melayu, Tingkat 2, Bangunan Lama Jabatan Penerangan.



Dengan Ingatan Tulus Ikhtilas  
Daripada  
Jabatan Penerangan,  
Jabatan Perdana Menteri.

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

## Isi Kandungan

## Muka

Jabatan Penerangan genap 68 tahun penubuhannya

5 - 9

COVID-19,  
Utamakan kebersihan,  
laksanakan penjarakan sosial

10 - 11

Ambil langkah waspada tangani COVID-19

12 - 13

Menangani penularan COVID-19 tanggungjawab bersama

13 - 14

Sahut saranan Kementerian Kesihatan bendung jangkitan

14

Terima agihan kurma, utamakan penjarakan sosial

15 - 16

Saranan kepada Kumpulan Yang Berisiko Tinggi Semasa Epidemik COVID-19

16 - 17

Sabar menghadapi situasi COVID-19

18

Nasihat bagi penghidap penyakit kronik semasa wabak COVID-19

19

Raih pahala bertadarus Al-Quran

20

Bilik Rujukan Penerangan

21

Doa Qunut Nazilah

22

# Jabatan Penerangan genap 68 tahun penubuhan

Rencana Oleh: Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto: Arkib Jabatan Penerangan

**M**ENJANGKAU usia penubuhannya ke-68 tahun pada 1 April 2020, Jabatan Penerangan terus mengorak langkah dalam menanai dan menggalas tugas serta tanggungjawab menjadi peneraju dalam pembarigaan maklumat rasmi berteraskan Melayu Islam Beraja yang sahih, berkualiti, cepat, tepat dan berwibawa untuk menyerlahkan imej Raja dan negara, mendukung Wawasan Brunei 2035 melalui pemerkasaan penyebaran maklumat rasmi ke arah mengukuhkan perpaduan bangsa dan kesejahteraan negara.

Di bawah pimpinan Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad, Jabatan Penerangan ketika ini mempunyai sekitar 209 pegawai dan kakitangan bertugas di keempat-empat cawangan Jabatan Penerangan seluruh negara.

Ke arah memantapkan lagi Jabatan Penerangan, bahagian Penerangan di setiap daerah juga

***Kejayaan Jabatan Penerangan adalah atas usaha keras setiap warga. Selamat Menyambut Ulang Tahun Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-68.***

berfungsi sama dalam memberikan maklumat terhadap masyarakat di daerah-daerah tersebut dan mengadakan pelbagai aktiviti atau perancangan tertentu semata-mata untuk meningkatkan imej Jabatan Penerangan.

Di samping menyampaikan maklumat mengenai dasar dan agenda kerajaan, jabatan ini juga mendengarkan pelbagai isu, pendapat serta keluhan masyarakat melalui program-program kemasyarakatan seperti Program Sua Muka, Program Muzakarah Penerangan (PMP), dan Program Masyarakat Bermaklumat yang giat dilaksanakan sepanjang tahun.

## Strategi penyebaran maklumat

Melalui strategi media cetak, jabatan ini melalui Pelita Brunei diamanahkan untuk memberi maklumat hal ehwal semasa dan membarigakan usaha-usaha kerajaan dalam membangunkan Negara Brunei Darussalam.

Akhbar rasmi kerajaan Pelita Brunei yang diterbitkan tiga kali seminggu itu juga tidak ketinggalan dengan mengadaptasi alam digital. Dalam mendukung hasrat dan membudayakan amalan *paperless*, Pelita Brunei versi digital *e-Paper* mula dilaksanakan pada 18 Jun 2016. Begitu juga dengan segala persuratan, jabatan ini menggunakan e-mel bagi memudahkan semua urusan persuratan baik persuratan dalaman maupun untuk luar jabatan.



## Warta Penerangan 6

Tujuan e-Paper ini bukan sahaja untuk membantu orang ramai yang tidak memperoleh Pelita Brunei secara bercetak bahkan memudahkan mereka memperoleh maklumat dengan hanya di hujung jari sahaja di mana ia boleh dimuat turun dalam telefon pintar atau komputer.

Dalam masa yang sama, orang ramai juga boleh mendapatkan maklumat berita-berita semasa melalui perkhidmatan Pelita Online yang boleh dilayari pada laman sesawang [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn) setiap hari.

Selain itu, untuk memastikan perkhidmatan Jabatan Penerangan terus relevan, media baharu seperti Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan ‘InfoDeptBN’, media sosial seperti Facebook ‘Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri’, Instagram ‘@infodept.bn’ dan Twitter ‘@infodept\_bn’ juga digunakan sepenuhnya




bermula pada tahun 2014, ke arah penyebaran maklumat yang lebih berkesan kepada masyarakat.

Sebagai kaedah untuk menyampaikan maklumat, berita dan hasrat kerajaan kepada penduduk kampung yang tinggal di kawasan pedalaman yang kurang mendapat pendedahan mengenai maklumat-maklumat semasa, Jabatan Penerangan menempatkan satu sudut bermaklumat di Rumah Besar Sukang dan Rumah Panjang Julangan Kasih Kampung Melilas

yang turut dilengkapi dengan papan-papan maklumat yang dikhushuskan untuk membarigakan maklumat-maklumat berkaitan isu-isu semasa seperti melalui cetakan Pelita Brunei.

Turut disediakan ialah sudut bacaan mini yang dilengkapi dengan buku-buku terbitan Jabatan Penerangan seperti Warta Penerangan. Papan Maklumat Penerangan ini disediakan di rumah-rumah panjang Ulu Belait sejak tahun 2017.



## Perkembangan terkini

Jabatan Penerangan melancarkan Pusat Rujukan Penerangan pada bulan Januari 2019 lalu yang terletak di Aras II, Bangunan Asal Jabatan Penerangan di mana ia boleh dikunjungi oleh orang ramai bagi membuat sebarang rujukan dan dibuka pada setiap hari Isnin hingga Khamis dan Sabtu dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan dari 2.00 hingga 4.00 petang.

Antara bahan-bahan yang terdapat di perpustakaan ini ialah bahan-bahan terbitan jabatan seperti koleksi Pelita Brunei, Himpunan Titah dan Sabda, dan pelbagai jenis buku rujukan.



Sebagai kutipan hasil bagi jabatan, Jabatan Penerangan juga telah mula

menjual buku-buku terbitannya bermula tahun 2018 antaranya ialah Kumpulan Titah, Kumpulan Sabda, Kompilasi Sabda Anakanda, Haluan Brunei Darussalam Negaraku dan juga buku daerah-daerah (Daerah Tutong dan Daerah Temburong). Harga setiap buku berbeza-beza mengikut kriteria yang tertentu. Orang ramai yang berhasrat untuk mendapatkan dan membeli buku-buku berkenaan bolehlah mendapatkannya di kaunter-kaunter Unit Pengedaran Jabatan Penerangan di keempat-empat daerah. Bagaimanapun bagi mengelakkan jangkitan COVID-19 yang melanda ketika ini, semua kaunter termasuk kaunter pembelian buku ditutup sementara hingga ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.



Selain itu, dalam usahanya mempromosikan buku-buku berkenaan, pihak jabatan juga sering menyertai pameran, Pesta Buku dan adakalanya bergerak sendirian dalam mempromosikan buku-buku jabatan selain menjualnya semasa berlangsungnya sebarang aktiviti atau program yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan.



Beberapa penerbitan jabatan (e-book) juga boleh dibaca secara percuma melalui laman sesawang jabatan iaitu dengan melayari [www.information.gov.bn](http://www.information.gov.bn) bagi memudahkan orang ramai membaca dan membuat rujukan.

### Kemudahan, prasarana dan perkhidmatan

Antara kemudahan yang diperkenalkan ialah pandu lalu (*drive thru*) di Ibu Pejabat Jabatan Penerangan, Berakas di mana orang ramai boleh mendapatkan Pelita Brunei tanpa perlu turun dari kenderaan.

Sementara itu, jabatan ini juga dilengkapi dengan sebuah

auditorium yang terletak di Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan. Dewan yang berbentuk teater ini boleh memuatkan 108 buah meja dan kerusi atau 225 tempat duduk serta dilengkapi dengan pendingin hawa, sistem pembesar suara dan projektor.

Pada masa ini dewan tersebut bukan saja digunakan oleh pihak Jabatan Penerangan malah juga sering kali turut digunakan oleh beberapa buah jabatan kerajaan yang lain dalam mengendalikan berbagai-bagai kegiatan.

Ia juga dibukakan untuk disewa dengan kadar BND120.00 sehari dan waktu operasi bermula jam

7.45 pagi hingga 10.00 malam dan ditutup pada hari kelepasan awam.

Begitu juga dengan Dewan Pengiran Setia Negara yang terletak di Bangunan Lama, Jabatan Penerangan. Selain digunakan bagi acara-acara jabatan, dewan ini juga menempatkan dua gelanggang badminton bagi kegunaan warga Jabatan Penerangan dan juga dibukakan untuk disewa kepada orang ramai dengan bayaran BND10.00 satu jam atau BND40.00 sehari bagi dua gelanggang.

Orang ramai yang berhasrat untuk menggunakan gelanggang badminton bolehlah membuat tempahan mereka melalui laman sesawang [www.12book.com.bn](http://www.12book.com.bn)

Bagi mereka yang berhasrat untuk mengadakan acara di Dewan Pengiran Setia Negara pula, kadar sewa ialah BND270.00 bagi satu acara (4 jam) termasuk kelengkapan sistem pembesar suara yang boleh memuatkan maksimum 280 orang.

Perkhidmatan Pembesar Suara merupakan satu lagi perkhidmatan yang ditawarkan kepada agensi-agensi kerajaan dalam acara-acara rasmik negaraanselain memberikan perkhidmatannya





kepada Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta organisasi-organisasi bukan kerajaan (NGO's) yang memohon bagi mendapatkan perkhidmatan tersebut.

### Cabaran

Antara cabaran yang dihadapi oleh Jabatan Penerangan termasuk penghantaran akhbar Pelita Brunei ke kampung-kampung pedalaman bagi memastikan penduduk di kawasan tersebut mengetahui perkembangan terkini negara dan acara-acara yang diadakan.

Jabatan Penerangan juga bertanggungjawab dalam pengurusan dan hal ehwal hubungan dengan media di mana apabila ada acara-acara kebesaran dan kenegaraan, pihak Pegawai Perhubungan Media (Media Relations Officer) Jabatan Penerangan akan ditugaskan untuk mengawal gerak kerja media-media tempatan dan juga media asing yang membuat liputan. Adakalanya tugas media memerlukan sikap yang lebih agresif bagi mendapatkan berita



dan gambar-gambar yang menarik, dan di sinilah cabaran, kesabaran dan profesionalisme pihak MRO diperlukan dalam menguruskan hal ehwal hubungan dan media.

### Penutup

Usia 68 tahun setentunya merupakan usia yang cukup matang, oleh itu dalam memastikan jentera Jabatan Penerangan bergerak dengan berkesan dan berjaya, warga Jabatan Penerangan perlu sama-sama memainkan

peranan penting dalam memastikan program-program yang dirancang akan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Dengan adanya sikap efisien dan inovatif akan menyuntik semangat semua pegawai dan kakitangan di jabatan ini untuk terus memberikan perkhidmatan yang berkualiti.

Kejayaan Jabatan adalah atas usaha keras setiap warga. **Selamat Menyambut Ulang Tahun Hari Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-68.**

## COVID-19, Utamakan kebersihan, laksanakan penjarakan sosial

Berita: Unit Penerbitan Melayu  
Foto: Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**P**ANDEMIK COVID-19 juga dikenali sebagai pandemik koronavirus ialah wabak penyakit koronavirus 2019 yang berterusan secara global berpunca daripada koronavirus sindrom pernafasan akut teruk 2 (SARS-CoV-2).

Wabak ini pada mulanya dikesan pada pertengahan Disember 2019 di bandaraya Wuhan, Hubei China dan telah diiktiraf sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 11 Mac 2020.

Sehingga 18 April 2020 lebih daripada 2.3 juta (2,300,000) kes COVID-19 telah dilaporkan dalam

sekurang-kurangnya 180 buah negara sementara pada 13 Mac, WHO mengumumkan bahawa Eropah telah menjadi pusat baharu pandemik.

Virus ini kebanyakannya menular antara seseorang dengan cara yang serupa dengan influenza melalui titisan pernafasan daripada batuk atau bersin. Ia dianggap paling mudah berjangkit apabila seseorang menerima tanda gejala, walaupun penyebarannya mungkin sebelum gejala muncul.

Masa antara pendedahan dan permulaan gejala biasanya lima hari, tetapi mungkin berlarutan



*Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad, semasa mempergerusikan salah satu mesyuarat semasa situasi COVID-19.*

antara dua hingga 14 hari. Gejala umum termasuk demam, batuk, dan sesak nafas.

Komplikasinya termasuk radang paru-paru dan sindrom kesukaran pernafasan akut. Pada masa ini tiada vaksin atau rawatan antiviral tertentu untuk merawat virus ini selain usaha mengurangkan simptom dan terapi sokongan. Langkah-langkah pencegahan yang disyorkan termasuk membasuh tangan, menutup mulut apabila batuk, mengelakkan jarak dari orang lain (terutamanya mereka yang tidak sihat) serta pemantauan dan pengasingan diri selama 14 hari untuk orang yang mengesyaki mereka dijangkiti.



*DI Jabatan Penerangan, langkah waspada sentiasa ditekankan dalam kalangan warga jabatan seluruh cawangan dengan mengamalkan kebersihan dan penjarakan sosial termasuk semasa mengadakan pelbagai mesyuarat.*



*MESYUARAT Jawatankuasa Kecil Penerangan, Jawatankuasa Kerja Media dan Publisiti Sidang Kemuncak ASEAN dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan Tahun 2021 diadakan seperti biasa dengan mengutamakan kebersihan dan penjarakan sosial.*

Sehubungan itu, dalam situasi pandemik ketika ini, Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan terus melakukan pemantauan dan memberikan nasihat-nasihat dan panduan kesihatan kepada orang ramai bagi mengelakkan jangkitan wabak ini.

Di Jabatan Penerangan sahaja, langkah waspada sentiasa ditekankan di kalangan warga jabatan di seluruh daerah dengan menjaga kesihatan, kebersihan dan penjarakan sosial semasa mengadakan pelbagai mesyuarat seperti dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Jawatankuasa Penerangan,



*PARA pegawai dari Bahagian Pelita Brunei semasa mengadakan Mesyuarat Penyuntingan (Editorial) bagi mengemas kini gerak kerja di bahagian tersebut (atas dan bawah).*

Kerja Media dan Publisiti Tahun 2021, Mesyuarat Sidang Kemuncak ASEAN dan Sebut Harga dan Mesyuarat Mesyuarat-Mesyuarat Berkaitan Penyuntingan (Editorial).



## Ambil langkah waspada tangani COVID-19

Berita dan Foto Ihsan: Cawangan Penerangan Daerah Tutong



*ANTARA langkah yang diambil oleh Cawangan Penerangan Daerah Tutong ialah melaksanakan kempen kebersihan secara intensif dengan membersihkan ruangan pejabat.*

**TUTONG.** - Dalam sama-sama membendung penularan Wabak Coronavirus (COVID -19), Cawangan Penerangan daerah ini telah mengambil beberapa inisiatif sebagai langkah berjaga-jaga antaranya dengan penundaan program-program kemasyarakatan dan kenegaraan di bawah kendalian cawangan tersebut.

Dengan mengutamakan kebersihan, cawangan tersebut telah melaksanakan kempen kebersihan secara intensif dengan membersihkan ruangan pejabat menggunakan penyembur nyahkuman pada gagang pintu di tempat laluan utama orang ramai yang berurusana setiap jam.

Selain itu, kakitangan cawangan secara bergilir membuat pemeriksaan suhu badan setiap

pegawai, kakitangan dan orang ramai yang masuk ke pejabat ini dalam usaha memantau simptom-simptom COVID-19.

Dalam perkara yang berkaitan, para petugas penghantaran Pelita Brunei juga dibekalkan dengan sarung tangan latex yang ditukar setiap masa, di samping penutup mulut semasa mengendalikan penghantaran. Penjarakan sosial turut diambil kira semasa berurusana dengan orang ramai dengan menutup kaunter-kaunter urusan dan mengaplikasikan waktu bekerja berdasarkan Business Continuity Plan (BCP).

Orang ramai yang ingin berurusana boleh menghubungi talian telefon Cawangan Penerangan Daerah Tutong.

Langkah-langkah ini adalah sebagai usaha bersama dalam menyahut arahan dan nasihat dari Kementerian Kesihatan dalam membendung jangkitan wabak berkenaan.



*SARANAN Kementerian Kesihatan sentiasa dipatuhi dengan mempraktikkan pemeriksaan suhu badan di samping menggunakan hand sanitizer di pintu masuk utama cawangan pejabat di daerah ini.*



Antara langkah-langkah yang diberikan perhatian oleh pihak kerajaan dalam menangani impak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam ialah memelihara

kesejahteraan orang awam, memelihara pekerjaan yang ada dan memberi sokongan kepada setiap individu serta mendukung dan membantu perniagaan.



*GAGANG pintu di tempat laluan utama orang ramai yang beruruskan juga sentiasa dibersihkan bagi mengelakkan risiko jangkitan selain poster-poster makluman berkaitan COVID-19 bagi memberi gakan maklumat-maklumat berkaitan.*

## Menangani penularan COVID-19 tanggungjawab bersama

Berita dan Foto Ihsan: Cawangan Penerangan Daerah Belait

**KUALA BELAIT.** - Sejak bermulanya jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam pada 9 Mac 2020, Cawangan Penerangan Daerah Belait turut sama mengambil beberapa tindakan bagi mencegah dan menangani jangkitan COVID-19 ini.

Di antara langkah-langkah yang diambil termasuklah memaklumkan kepada pengetua sekolah, penghulu dan ketua kampung mengenai dengan penangguhan program-program dalam perancangan, terutama sekali program-program yang dirancang pada bulan Mac dan April 2020, menyediakan *thermometer* dan *hand sanitizer* di kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait, membersihkan dan menyuci tangan dengan menggunakan pencuci *anti-bacterial* pada kaunter, ruang kerja, tombol-tombol pintu,



*CAWANGAN Penerangan Daerah Belait turut mengambil langkah waspada bagi menangani jangkitan COVID-19 dengan membersihkan pintu-pintu masuk.*

kotak-kotak Pelita Brunei, peralatan komputer dan sebagainya, menyediakan *drive thru* bagi pengambilan Pelita Brunei di Cawangan Penerangan Daerah Belait dan menyediakan *hand sanitizer*, sarung tangan dan penutup mulut juga bagi kakitangan yang menghantar Pelita Brunei dan pembersih.

Dengan keramaian lapan orang

pegawai dan kakitangan di Cawangan Penerangan Daerah Belait bermula pada 26 Mac 2020, cawangan ini telah memulakan perubahan masa bertugas bagi para pegawai dan kakitangan dengan bekerja secara *shift* iaitu empat orang bertugas di sebelah pagi dan selebihnya bertugas pada sebelah petang sebagai langkah untuk mengelakkan keramaian perkumpulan di pejabat.



Langkah-langkah lain termasuklah melantik ketua cawangan sebagai *focal person* bagi Jawatankuasa Keselamatan Tempat Kerja di Cawangan Penerangan Daerah Belait, memaklumkan kepada ketua cawangan jika suhu panas badan melebihi 37 darjah Celsius atau jika mengalami gejala batuk kering, susah bernafas dan sebagainya, serta sentiasa memastikan kebersihan diri, mengamalkan untuk mencuci tangan dengan menggunakan *hand sanitizer* atau *anti bacterial soap*, menutup mulut dengan tisu apabila batuk

dan seterusnya membuangnya ke dalam tong sampah.

Memandangkan daerah ini bersempadan dengan negara Malaysia iaitu Sarawak, maka warga Cawangan Jabatan Penerangan di daerah ini juga perlu mengikut arahan Surat Keliling dari Jabatan Perdana Menteri supaya mengelakkan dari keluar negeri di mana kebenaran keluar negara tidak akan diberikan kepada semua warga perkhidmatan awam kecuali jika benar-benar mustahak dan bagi urusan yang penting pada masa pandemik ini, kebenaran pula adalah tertakluk kepada kebenaran Jabatan Perdana Menteri melalui Setiausaha Tetap masing-masing.

*PETI penempatan akhbar rasmi kerajaan, Pelita Brunei diletakkan di luar pejabat bagi kemudahan orang awam.*

## Sahut saranan Kementerian Kesihatan bendung jangkitan COVID-19

Berita: Unit Penerbitan Melayu

Foto Ihsan: Cawangan Jabatan Penerangan Daerah Temburong

**T**EMBURONG. - Pelbagai usaha bagi mencegah jangkitan COVID-19 turut dilaksanakan di Cawangan Jabatan Penerangan daerah ini bagi menyahut seruan Kementerian Kesihatan untuk membendung jangkitan wabak tersebut dengan menggunakan beberapa kaedah yang disarankan oleh kementerian berkenaan antaranya, menjaga kebersihan, menggunakan *hand sanitizer* serta penjarakan sosial.

Ke arah itu, antara langkah yang diambil termasuklah memastikan sekitar kawasan cawangan jabatan ini sentiasa bersih, mempraktikkan saranan penggunaan *hand sanitizer* kepada warga jabatan di daerah ini, pengambilan suhu badan di pintu masuk, penjarakan sosial di samping pemasangan poster-poster berkaitan COVID-19 dari Kementerian Kesihatan dan agensi-agensi yang berkepentingan.



Cawangan Jabatan Penerangan Daerah Temburong mempraktikkan saranan Kementerian Kesihatan untuk melaksanakan pengambilan suhu badan, menggunakan *hand sanitizer* di pintu masuk utama di samping memaparkan poster-poster dari kementerian dan jabatan berkaitan COVID-19 (atas dan bawah).



## Terima agihan kurma, utamakan penjarakan sosial

Berita: Unit Penerbitan Melayu

Foto: Jabatan Penerangan

**A**LHAMDULILLAH seperti tahun-tahun sebelumnya, rakyat dan penduduk yang beragama Islam dan bermastautin di Negara Brunei Darussalam bagi tahun ini 1441 Hijrah/2020 Masihi telah menerima agihan buah-buah Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Daruussalam sempena bulan Ramadan tahun ini.

Pengagihan kurma kurnia baginda yang dikendalikan oleh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) tahun ini telah memperkenalkan kaedah inisiatif baharu melalui aplikasi mudah alih dan web ‘Kurma App’ dan ‘www.kurma.org.bn sebagai penambahbaikan proses pendaftaran dan pengagihan sebelum ini bagi memastikan semua umat Islam di negara ini menerima agihan kurma kurnia berkenaan.

Melalui pengagihan mudah alih ini ia diharap dapat bertindak sebagai platform untuk pendaftaran secara dalam talian (*online*) dan memberikan kemudahan kepada rakyat dan penduduk beragama Islam untuk menerima agihan buah kurma, membolehkan YSHHB menentukan jumlah pembelian kurma, mengelakkan duplikasi di kalangan para penerima yang berhak, memberikan kemudahan pendaftaran dengan menggunakan telefon atau komputer melalui laman sesawang yang disediakan masing-masing bagi pengguna IOS dan Android untuk dua jenis



*ANTARA warga Jabatan Penerangan semasa menerima Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Daruussalam dengan mematuhi saranan penjarakan sosial bagi mengelak jangkitan COVID-19 (atas dan bawah).*



pengguna aplikasi iaitu orang awam dan pentadbir.

Bagi warga kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya, proses pendaftaran

dilakukan oleh Pegawai Pentadbir melalui Akaun Pentadbir setelah menerima senarai jumlah penerima yang telah mendaftar di kementerian atau jabatan masing-masing.



**JABATAN Penerangan mula menerima Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia daripada pihak YSHHB yang berpusat di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas pada 22 April 2020.**

Sementara itu orang ramai dan penduduk kampung yang tidak mendaftar melalui aplikasi dalam talian atau tidak mempunyai akses kepada internet, YSHHB juga menyediakan borang khas yang diedarkan melalui ketua-ketua kampung di seluruh negara untuk

diisikan oleh para penerima.

Bermula tahun ini, buah kurma

kurnia baginda dilaratkan pengagihannya ke kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Bagi Jabatan Penerangan, kurma-kurma kurnia tersebut mula diterima daripada pihak YSHHB pada 22 April dan pengagihannya sempurna dilaksanakan kepada pegawai dan kakitangan yang telah mendaftar sehingga penghujung April 2020.

Bagaimanapun dalam situasi COVID-19 pengagihan kepada para penerima yang mendaftar dilakukan mengikut arahan Kementerian Kesihatan iaitu dengan mengutamakan penjarakan sosial dan mengelakkan perkumpulan ramai.



## Saranan kepada Kumpulan Yang Berisiko Tinggi Semasa Epidemik COVID-19

**J**ABATAN Penerangan melalui Mesyuarat Business Continuity Plan (BCP) yang diadakan pada Khamis, 9 April 2020 turut mengambil langkah-langkah susulan berpandukan Garis Panduan Bagi Kumpulan Yang Berisiko Tinggi Semasa Epidemik COVID-19 dengan mengambil kira beberapa perkara.

Antara langkah-langkah ke arah membendung jangkitan tersebut di kalangan warga Jabatan Penerangan ialah seperti berikut:-

1. Jadual bertugas para pegawai dan kakitangan semasa epidemik COVID-19 di setiap unit dibahagikan kepada dua *shift* iaitu pagi dan petang di setiap unit jabatan.
2. Semasa tidak dijadualkan untuk bertugas di pejabat, pegawai dan kakitangan hendaklah bertugas dari rumah (*work from home -WFH*) di mana para pegawai dan kakitangan yang tidak berada di pejabat

hendaklah bersedia untuk dihubungi melalui WhatsApp atau e-mel dan boleh diarahkan untuk kembali bertugas pada bila-bila masa.

3. Merujuk Garis Panduan Bagi **Kumpulan Yang Berisiko Tinggi Semasa Epidemik COVID-19**, kategori **Kumpulan Yang Mempunyai Risiko Tinggi Jangkitan COVID-19** untuk mendapat komplikasi adalah seperti:
  - a. Mereka yang berusia 70 tahun ke bawah dan mengalami masalah kesihatan yang disenaraikan di bawah:
    - i. Penyakit pernafasan yang kronik, seperti penyakit pulmonari obstruktif kronik (COPD), emfisema atau bronkitis;
    - ii. Penyakit asma yang tidak terkawal atau teruk;
    - iii. Penyakit jantung, seperti kegagalan jantung, tekanan darah tinggi;
    - iv. Strok;
    - v. Penyakit kencing manis atau diabetes;
    - vi. Penyakit buah pinggang kronik;
    - vii. Penyakit hati kronik, seperti hepatitis;
    - viii. Keadaan neurologi kronik, seperti penyakit Parkinson, penyakit Motor Neuron (Motor Neurone Disease), penyakit Multiple Sclerosis, ketidakupayaan belajar atau Cerebral Palsy;
    - ix. Gangguan limpa (spleen disorder) seperti sickle cell disease atau pembuangan organ limpa;
    - x. Sistem imunisasi badan yang lemah akibat HIV dan AIDS, atau penggunaan ubat steroid yang berpanjangan atau menjalani rawatan kemoterapi;
    - xi. Berat badan berlebihan (obes) iaitu mempunyai indeks jisim badan (BMI) 40 atau lebih tinggi;
  - b. Wanita hamil;
  - c. Pernah menjalani pemindahan organ dan masih dalam rawatan serta mengambil ubat immunosupresion (bagi mengukuhkan penerimaan organ tersebut) secara berterusan;
  - d. Menghidap penyakit kanser dan sedang menjalani rawatan kemoterapi atau radioterapi;
  - e. Menghidap penyakit kanser darah atau sum-sum tulang seperti leukemia yang berada dalam apa juar peringkat rawatan;
  - f. Mengalami masalah paru-paru yang lemah seperti cystic fibrosis atau asma yang teruk (yang memerlukan rawatan hospital secara kerap atau pengambilan ubat yang berterusan);
  - g. Mengalami penyakit-penyakit organ yang teruk, seperti penyakit buah pinggang kronik (memerlukan rawatan dialisis);
  - h. Wanita hamil yang mempunyai penyakit jantung yang serius;
4. Pegawai dan kakitangan yang berisiko tinggi seperti senarai di perenggan 3 di atas dibolehkan **untuk bekerja dari rumah (WFH) secara berterusan**.
5. Sila maklumkan ketua bahagian/unit/cawangan masing-masing berserta bukti (seperti ubat, nota daripada doktor dan sebagainya) bagi membolehkan ketua bahagian/unit/cawangan masing-masing untuk mengemas kini jadual waktu bertugas. Sila maklumkan perubahan jadual waktu bertugas kepada pihak URD dengan salinan kepada Unit Pentadbiran.
6. Tidak ada halangan bagi pegawai atau kakitangan yang dijadualkan untuk bekerja dari rumah untuk hadir di pejabat untuk menyiapkan tugas masing-masing.

## Sabar menghadapi situasi COVID-19

Berita: Unit Penerbitan Melayu

**WABAK** Coronavirus (COVID-19) ialah sejenis penyakit berjangkit yang disebabkan oleh virus ARS-COV-2 yang boleh menyebabkan demam panas, menimbulkan gejala pernafasan seperti batuk selesma dan sesak nafas serta telah diisyiharkan sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Dalam usaha membendung penularan jangkitannya ujian makmal diadakan antaranya bagi individu yang disyaki mengalami gejala-gejala COVID-19 dan kanak-kanak terdekat pesakit berkenaan.

Di Negara Brunei Darussalam ujian dilakukan melalui kaedah nasopharyngeal swab iaitu satu kaedah pengambilan sampel *pathogen* pernafasan bagi mengesan keberadaan virus dalam sistem pernafasan.

Swab digunakan bagi mengambil sampel dalam hidung pesakit terus kepada bahagian dalam rongga hidung yang dikenali sebagai nasopharynx.

Dalam keadaan tertentu pengambilan sampel boleh diambil dengan kaedah oropharyngeal swab yang diambil dari belakang oropharynx bahagian belakang kerongkong.

Dalam menghadapi situasi wabak ini, segenap lapisan masyarakat perlu meningkatkan langkah waspada dan mengikut arahan serta nasihat daripada Kementerian Kesihatan dan agensi-agensi yang berkepentingan di samping bersabar menempuhinya sebagai ujian.

Sebagai seorang hamba Allah kita tidak akan terlepas daripada

menerima ujian dan dugaan sama ada berbentuk kesusahan atau kesenangan.

Sesungguhnya setiap ujian adalah untuk menguji sejauh mana kekuatan iman dan kesabaran kita sebagai hamba-Nya. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 155 tafsirnya:

*“Dan sesungguhnya Kami pasti akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut dan kelaparan dan kekurangan harta benda dan buah-buahan kerana Kami hendak melihat sama ada kamu sabar atau tidak atas ujian itu. Dan sampaikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar.”*

Menghiasi peribadi dengan sifat sabar adalah akhlak orang yang mulia. Mereka sabar menghadapi kesusahan dan kepayaan hidup dengan hati yang tenang, berlapang dada, tidak berputus asa, tidak mudah menyerah kalah dan tidak menyangkal akan segala ketentuan dan ketetapan Allah Subhanahu Wata'ala ke atasnya.

Ujian itu merupakan satu fitrah dalam kehidupan kerana ia boleh menjadikan diri kita lebih dewasa, tabah, sabar dan lebih mengenal kekuasaan dan kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala.

Perlu diketahui setiap ketentuan dan ketetapan Allah Subhanahu Wata'ala itu adalah yang terbaik buat hamba-hamba-Nya. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 216 tafsirnya:

*“Dan boleh jadi kamu tidak menyukai kepada sesuatu padahal ia baik bagi kamu, dan boleh jadi kamu menyukai sesuatu padahal*

*ia buruk bagi kamu. Dan Allah mengetahui sedang kamu tidak mengetahui.”*

Allah Subhanahu Wata'ala sesungguhnya tidak akan menimpakan ujian dan dugaan di luar kemampuan hamba-hamba-Nya. Oleh itu, kadangkala kita diuji dengan berbagai-bagai ujian sama ada ujian kesenangan mahupun kesusahan, ujian ke atas harta benda sama ada kekayaan atau kemiskinan, atau diuji dengan kehilangan orang-orang yang tersayang dan sebagainya.

Tidak kurang juga yang diuji dengan tekanan hidup seperti tekanan sosial, emosi dan kesempitan ekonomi seperti hutang-piutang, masalah rumah tangga, kegelisahan dan sebgaiannya.

Oleh itu, jika ditimpa ujian dan musibah, kita wajib bersabar, jangan bersangka buruk terhadap Allah Subhanahu Wata'ala dan beranggapan bahawa kita adalah orang yang paling malang kerana setiap ujian itu pasti ada hikmah di sebaliknya.

Bersangka baiklah terhadap segala ketentuan dan ketetapan-Nya serta berusahalah menghadapi ujian tersebut dengan mencari jalan penyelesaian dengan bijaksana, berdoa, bertawakal dan lebih mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Perlu diingat, apabila menghadapi kesengsaraan atau kesakitan yang amat sangat, janganlah mudah berasa kecewa dan berputus asa atau harapan sehingga memudaratkan dan mencederakan diri sendiri, yang akhirnya membawa kepada kesakitan dan kematian terhadap diri sendiri.



# NASIHAT BAGI PENGHIDAP PENYAKIT KRONIK SEMASA WABAK COVID-19




- Patuhi pengambilan ubat awda seperti yang diarahkan.
- Pastikan awda mempunyai bekalan ubat-ubatan yang mencukupi. Sekiranya awda memerlukan penghantaran ubat, awda boleh menggunakan Go Rush Brunei.



- Patuhi nasihat doktor untuk mengawal penyakit awda.
- Terus menjaga kesihatan awda dengan mengamalkan gaya hidup sihat.
- Jika awda mempunyai temujanji di hospital atau pusat kesihatan, sila pastikan awda mengesahkannya dan menghadiri temujanji tersebut. Sila pastikan awda menjalani rawatan (seperti dialisis atau kemoterapi) yang telah diarahkan.
- Pastikan telah mendapatkan suntikan vaksin terkini, jika perlu.



- Elakkan mendampingi mereka yang sakit. Jika penjaga awda kurang sihat, digalakkan untuk menjauhkan diri daripada awda dan mendapatkan ahli keluarga atau rakan lain untuk membantu awda.
- Sentiasa mencuci tangan dengan menggunakan sabun dan air atau gel pembersih tangan beralkohol (*Hand sanitiser*).
- Amalkan etika batuk atau bersin.
- Gunakan pembasmi kuman untuk membersihkan permukaan dan barang di rumah.



- Hadkan perhimpunan sosial. Jangan luangkan masa yang terlalu lama di tempat yang sesak.
- Hadkan pelawat kepada orang yang sihat sahaja dan amalkan penjarakan sosial / fizikal.

## Pesakit yang menghidapi penyakit-penyakit kronik seperti berikut adalah kumpulan yang lebih berisiko untuk dijangkiti COVID-19:

- Penyakit Jantung      ● Tekanan Darah Tinggi      ● Strok      ● Kanser      ● Diabetis      ● Perokok
- Penyakit Hati Kronik      ● Penyakit Kronik Paru-Paru (*termasuk Asma, Emfisema atau Bronkitis*)
- Penyakit Buah Pinggang Kronik      ● Penyakit Neurologi Kronik      ● Obesiti dengan BMI 40 atau lebih
- Mereka yang mempunyai sistem daya tahan badan yang lemah akibat penyakit seperti AIDS atau penggunaan ubat steroid berpanjangan atau kemoterapi

Untuk sebarang maklumat dan pertanyaan, sila hubungi  
TALIAN NASIHAT KESIHATAN (HAL) 148.

## Raih pahala bertadarus Al-Quran

Berita: Unit Penerbitan Melayu  
Foto: Jabatan Penerangan



WARGA Jabatan Penerangan mengadakan bertadarus Al-Quran di surau jabatan dengan mematuhi arahan penjarakan sosial (atas dan bawah).

**B**ULAN suci Ramadan sangat bermakna dalam kehidupan umat Islam kerana di bulan ini menjanjikan ganjaran pahala yang berlipat ganda daripada setiap amalan yang dilakukan.

Di dalam bulan ini juga terhimpun rahmat dan keampunan daripada Allah Subhanahu Wata‘ala serta pembebasan hamba yang telah kembali ke Rahmatullah daripada seksa api neraka.

Pintu-pintu syurga dibuka di bulan penuh keberkatan ini sementara pintu-pintu neraka pula ditutup dan syaitan dibelenggu.

Seperti lazimnya, peluang-peluang bagi merebut pahala yang dijanjikan di bulan ini tidak dilepaskan begitu sahaja. Walaupun masid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadah ditutup tahun ini bagi mengelakkan jangkitan wabak COVID-19, namun bertadarus Al-Quran tidak dilepaskan oleh warga perkhidmatan awam termasuk warga Jabatan Penerangan dengan mematuhi saranan Kementerian Kesihatan supaya melaksanakan penjarakan sosial.


Amalan bertadarus adalah antara kegiatan keagamaan yang terus menjadi pilihan umat Islam sepanjang bulan puasa sebagai usaha mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata‘ala dan membantu mengeratkan silaturahim di kalangan pembaca-pembacanya.

Bagi meraih pahala yang dijanjikan, bacaan

Al-Quran dapat memupuk budaya pembacaan serta meningkatkan rasa cinta kepada kitab suci ini.

Selain bertadarus secara berkumpulan dengan mengamalkan penjarakan sosial, pembacaan Al-Quran di kalangan warga Jabatan Penerangan juga dilakukan secara perseorangan di bahagian dan unit masing-masing melalui bacaan dalam talian atau ‘online’ bagi mengelakkan perkumpulan secara beramai-ramai.

Dalam apa jua keadaan, bacaan Al-Quran akan terus diperlakukan dan menjadi amalan yang amat berharga bagi setiap umat Islam di bulan yang penuh rahmat ini.



BAGI mengelakkan daripada perkumpulan secara beramai-ramai bacaan Al-Quran juga dilakukan di bahagian atau unit masing-masing melalui bacaan dalam talian atau ‘online’.

## Bilik Rujukan Penerangan

Oleh: Unit Penerbitan Melayu  
Foto: Ihsan Jabatan Penerangan Daerah Tutong



**BILIK Rujukan Jabatan Penerangan Cawangan Tutong** menempatkan buku-buku terbitan Jabatan Penerangan. Bagaimanapun semasa wabak COVID-19 ketika ini, bilik ini ditutup sementara sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian (atas dan bawah).

SEBAGAI salah satu usaha Jabatan Penerangan untuk mananai motonya iaitu “Membudayakan Masyarakat Bermaklumat” Jabatan Penerangan Cawangan Tutong menyediakan sebuah

Bilik Rujukan Penerangan yang menempatkan buku-buku terbitan jabatan seperti Kumpulan Titah, Kumpulan Sabda, Kompilasi Sabda Anakanda, Haluan, Brunei Report, Warta Penerangan,



KEMUDAHAN yang disediakan ini memudahkan orang ramai khususnya para pelajar membuat rujukan daripada pelbagai buku kompilasi terbitan Jabatan Penerangan.



Kompilasi Khutbah Jumaat dan Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Selain itu, terdapat juga buku-buku terbitan agensi-agensi kerajaan yang lain yang amat berguna untuk membuat kajian dan meningkatkan ilmu pengetahuan.

Di samping itu, Bilik Rujukan Penerangan ini juga menyimpan akhbar-akhbar lama iaitu Pelita Brunei, Media Permata, Borneo Bulletin yang berjilid.

Bilik Rujukan Penerangan ini dibuka kepada kunjungan orang ramai pada hari-hari bekerja dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan pada sebelah petang dari jam 2.00 hingga 4.00 petang. Walau bagaimanapun, pada ketika Negara Brunei Darussalam sedang menghadapi krisis wabak COVID-19, Bilik Rujukan Penerangan ditutup sementara sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Bilik Rujukan Penerangan Cawangan Tutong juga dikunjungi dan diguna pakai oleh mahasiswa mahasiswi dan para pelajar yang ingin mendapatkan bahan kajian di samping itu juga mengadakan perbincangan berkelompok dan *self study*. Selain daripada mendapat kunjungan para pelajar dan orang ramai, ianya juga dikunjungi oleh penghulu dan ketua kampung.

Apa yang diharapkan agar Bilik Rujukan Penerangan ini dapat memberikan manfaat sebagai narasumber kepada para pengguna terutamanya penduduk di Daerah Tutong.

## Doa Qunut Nazilah

اللَّهُمَّ اهْدِنَا فِيمَنْ هَدَيْتَ، وَعَافِنَا فِيمَنْ عَافَيْتَ، وَتَوَلَّنَا فِيمَنْ تَوَلَّيْتَ، وَبَارِكْ لَنَا فِيمَا أَعْطَيْتَ، وَقِنَا شَرًّا مَا قَضَيْتَ، فَإِنَّكَ تَقْضِي وَلَا يُقْضَى عَلَيْكَ، وَإِنَّهُ لَا يَذِلُّ مَنْ وَالَّتَّ، وَلَا يَعِزُّ مَنْ عَادَيْتَ، تَبَارَكْتَ رَبَّنَا وَتَعَالَيْتَ، فَلَكَ الْحَمْدُ عَلَى مَا قَضَيْتَ، وَنَسْتَغْفِرُكَ وَنَتُوْبُ إِلَيْكَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُذَامِ وَمِنْ سَيِّئَاتِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ اصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ، الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْطَّعْنَ وَالْطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ، وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِيهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.

Tatacara dan Panduan Membaca Doa Qunut Nazilah:

1. Disunatkan untuk dibaca secara nyaring pada setiap sembahyang fardhu sama ada secara berjemaah atau pun bersendirian.
2. Khusus bagi sembahyang berjemaah, imam membacanya secara nyaring dan makmum mengaminkannya.
3. Dibaca pada rakaat terakhir iaitu semasa l'tidal setelah membaca Tahmid (سَيِّعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمَدَ رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ).
4. Tidak perlu melakukan sujud sahwai jika tertinggal bacaan Doa Qunut Nazilah.
5. Disunatkan mengangkat kedua tangan semasa berdoa.
6. Tidak perlu menyapu tangan ke muka selepas berdoa.

Nota: Doa Qunut Nazilah tidak semestinya hanya dilakukan di Masjid secara berjemaah pada Hari Jumaat, malah ia juga boleh dibuat di rumah samada secara berjemaah dengan keluarga atau bersendirian di dalam sembahyang fardhu lima waktu. Tetapi masih juga boleh dipilih mana waktu yang kita mampu atau sesuai melakukannya, seperti dalam Sembahyang Subuh, Maghrib dan Isya', tanpa memestikan ia dibuat dalam kesemua lima-lima waktu.



# جوالن بوکو تریتین جابتن قزعن

## JUALAN BUKU-BUKU TERBITAN JABATAN PENERANGAN

DAPATKAN SEKARANG!

### HIMPUNAN TITAH



### BRUNEI TODAY



Tahun	Harga
1984 - 1987	\$5.50
1988 - 1989	\$5.50
1990 - 1991	\$8.00
2009	\$6.00
2010	\$11.50
2011	\$12.00
2012	\$7.50
2013	\$6.50
2014	\$6.00
2015	\$5.00
2016	\$4.00
2017	\$5.00
2018	\$11.00

### HIMPUNAN SABDA



Tahun	Harga
2012	\$3.50
2013	\$4.00
2014	\$2.00
2015	\$4.00
2016	\$2.00
2017	\$3.00
2018	\$7.00

### HALUAN

Tahun	Harga
2012	\$23.00
2015	\$10.00
2016	\$12.50
2017	\$8.50

### BRUNEI DARUSSALAM NEGARAKU

Tahun	Harga
2015 - 2017	\$11.50
2018	\$5.00
2019	\$7.00



KOMPILASI  
SABDA ANAKANDA  
2011-2016



BRUNEI-MUARA  
DISTRICT



BELAIT  
DISTRICT



TUTONG  
DISTRICT



TEMBURONG  
DISTRICT

### Waktu Perniagaan

Isnin - Khamis  
8.00 Pagi – 12.00 T/hari  
2.00 Ptg – 3.00 Ptg

Sabtu  
8.00 Pagi – 11.00 Pagi

### IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,  
JABATAN PERDANA MENTERI,  
LAPANGAN TERBANG LAMA,  
BERAKAS, BB3510,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400  
FAKS : 2382242

BUKU-BUKU BOLEH DIBELI MELALUI:  
KAUNTER UNIT SOKONGAN, ARAS BAWAH,  
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

**CAWANGAN  
DAERAH TEMBURONG**  
BANGUNAN JABATAN-JABATAN  
KERAJAAN, DAERAH TEMBURONG,  
BANGAR  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
TALIAN : 5221342

**CAWANGAN  
DAERAH TUTONG**  
BANGUNAN JABATAN-JABATAN  
DAERAH TUTONG, TA1314,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
TALIAN : 4220290

**CAWANGAN  
DAERAH BELAIT**  
PEJABAT PENERANGAN  
SERIA JALAN BOLKIAH, SERIA,  
KB4333, DAERAH BELAIT,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
TALIAN : 3224636



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri  
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept\_bn

*Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:*

<http://www.penerangan.gov.bn>

<http://www.information.gov.bn>

<http://www.pelitabrunei.gov.bn>

<http://www.infofoto.gov.bn>

*Media Sosial Penerangan:*



**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri**



[infodept.bn](http://infodept.bn)



[@infodept\\_bn](http://infodept_bn)

**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.  
Tel : 2383400 Faks : 2382242**